



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius


Program Bahasa Malaysia Sekolah Menengah
Edubest

Sinopsis 

Novel "Meniti Impian"

SM2

Nama : _____



Meniti Impian

Sinopsis Keseluruhan

Novel *Meniti Impian* berkisar tentang Zahar, iaitu pelajar yang mempunyai keazaman dan cita-cita yang tinggi. Impiannya untuk melanjutkan pelajaran di ITM (Institut Teknologi Mara) selepas peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) musnah apabila dia demam sewaktu peperiksaan tersebut berlangsung. Akibat kemiskinan, dia tidak berpeluang untuk menyambung pelajaran di sekolah swasta kerana ibunya tidak mampu membiayai kos persekolahan yang tinggi selain dua orang adiknya yang masih bersekolah. Bapanya telah meninggal dunia, sementara ibunya hanya menoreh getah dan menganyam tikar mengkuang untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga. Perasaan tanggungjawab sebagai anak sulung telah memaksanya melupakan seketika impiannya untuk ke menara gading. Tindakan murninya itu telah disalahertikan oleh sahabat baiknya, Suhaili. Dia menganggap Zahar sebagai insan yang gagal kerana tidak berjaya ke ITM walaupun semasa di sekolah mereka telah berjanji untuk ke ITM bersama-sama.

Bagi meringankan beban ibunya, Zahar telah membantu bapa saudaranya, Pak Yusuf di bengkel perabot. Pak Yusuf dapat mengesan bakat, keazaman, dan kemahiran yang dimiliki oleh anak saudaranya itu. Dia sentiasa memberikan dorongan agar Zahar berjaya suatu hari nanti. Zahar memberitahu Pak Yusuf bahawa dia sangat berminat dalam kerja pertukangan perabot dan bercita-cita untuk menjadi seorang tukang perabot yang mahir. Oleh itu, dia telah membuat permohonan ke IKM (Institut Kemahiran Mara) untuk memenuhi impiannya itu. Pada waktu itu, sahabatnya Suhaili telah pun berada pada tahun akhir di ITM. Namun begitu, Zahar berasa tersinggung apabila Suhaili memandang rendah serta menghina keinginannya untuk belajar di IKM. Dia beranggapan bahawa IKM hanya akan melahirkan pelatih yang gagal dan akhirnya merempat tidak

mendapat sebarang pekerjaan. Zahar telah menyimpan azam untuk membuktikan bahawa lepasan daripada IKM juga mampu mencipta kejayaan pada masa depan, Kesedihan Zahar semakin terasa apabila menyaksikan Suhaili orang yang pernah menjadi buah hatinya telah mempunyai kekasih baharu yang lebih kacak dan bergaya. Kejadian itu membuatkan semangatnya terus membara untuk maju.

Semasa di IKM, Zahar telah menunjukkan prestasi yang amat cemerlang. Di IKM itu juga dia telah berjumpa dengan rakan-rakan baharu yang juga mempunyai cita-cita sepertinya. Kesedihan hatinya sedikit terubat apabila bertemu dengan Norimi yang mengikuti kursus dalam jurusan Lukisan Seni Bina. Selepas enam bulan berkursus, Zahar dan rakan-rakannya telah diarahkan untuk mengikuti latihan praktikal di kilang. Zahar telah diterima menjalani latihan di Kilang Perabot Usaha Bersatu di Kawasan Perindustrian Kamunting, Taiping. Secara kebetulan, Suhaili menjawat jawatan sebagai eksekutif di kilang tersebut. Suhaili berasa bersalah atas kata-katanya terhadap Zahar sewaktu ketika dahulu. Dia ingin membantu Zahar untuk bekerja di kilang tersebut tetapi Zahar dengan tegas menolak bantuannya itu. Zahar menyatakan bahawa dia mahu berdikari dan mencipta kejayaan hasil daripada titik peluhnya sendiri. Sampai masanya latihan praktikal Zahar pun tamat. Dia telah diberi pujian oleh pihak pengurusan kilang kerana telah menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Selepas menamatkan kursusnya di IKM, Zahar telah kembali ke kampung. Dia merancang untuk membuka sebuah bengkel perabot di tanah milik ibunya. Rancangannya itu mendapat sokongan daripada ibu dan bapa saudaranya, Pak Yusuf. Dengan bantuan pinjaman kewangan daripada MARA sebanyak RM10 000, sumbangan daripada Pak Yusuf sebanyak RM5000, serta wang yang diterima daripada kilang tempatnya membuat latihan praktikal itu, dia telah berjaya membuka sebuah bengkel perabot. Bengkelnya itu diberi nama

Bengkel Perabot Meniti Impian. Akhirnya, impian Zahar tercapai dan dia berjaya membuktikan kepada Suhaili bahawa dengan belajar di IKM juga mampu untuk mengubah nasib seseorang. Bengkel perabot miliknya menjadi semakin terkenal selepas tersiar dalam akhbar.

Sinopsis Terperinci

Bab 1: Cita-cita

Pak Yusuf berasa simpati dengan nasib yang menimpa anak saudaranya. Dia tahu selepas gagal menduduki tingkatan enam anak saudaranya banyak mendiamkan diri dan termenung. Impian Zahar untuk belajar telah terhalang kerana ibunya terpaksa menanggung persekolahan dua orang adiknya. Untuk membantu ibunya, Zahar sanggup untuk bekerja di bengkel perabot kecil milik bapa saudaranya, Pak Yusuf. Pak Yusuf mengetahui bahawa Zahar mempunyai keazaman dan cita-cita yang tinggi untuk berjaya. Zahar telah memberitahu niatnya kepada Pak Yusuf bahawa dia ingin menyambung pelajaran di IKM dalam kursus Pertukangan Perabot. Pak Yusuf berasa amat gembira kerana anak saudaranya itu akan menyambung warisannya sebagai tukang perabot.

Pak Yusuf telah menerima tempahan daripada Tok Imam untuk membuat sebuah rak kasut di masjid. Dia teringat kembali pada masa lampau, kasut para jemaah diletakkan merata-rata dan sering disepak dan dipijak. Kini, jemaah masjid semakin bertambah, rak kasut yang dibina bersama-sama dengan Zahar itu akan dapat menyelesaikan masalah tersebut. Walaupun dengan peralatan yang serba kekurangan, Pak Yusuf sambil dibantu oleh Zahar dapat menghasilkan perabot yang baik seperti yang diminta oleh orang kampung.

Dia sentiasa memberikan perangsang kepada anak saudaranya itu agar dapat mencapai impiannya untuk belajar di IKM. Dia tahu Zahar memiliki bakat yang istimewa jika diberi peluang untuk mendapatkan ilmu pertukangan yang

lebih moden berbanding dengan dirinya yang hanya bergantung pada bakat semata-mata. Pak Yusuf berasa lapang apabila memikirkan kejayaan yang bakal dicapai oleh Zahar jika anak saudaranya itu berjaya diterima masuk ke IKM. Hatinya menjadi lebih gembira apabila mengenangkan perabot yang telah ditempah akan siap mengikut waktu yang ditetapkan. Semuanya ini adalah berkat pertolongan daripada Zahar.

Bab 2: Tawaran

Mak Kiah menunggu kepulangan Zahar, anak kesayangannya di rumah pada tengah hari itu. Sewaktu Zahar pulang dia telah menunjukkan sepucuk surat yang ditunggu-tunggu oleh Zahar selama ini. Zahar berasa amat gembira kerana impiannya untuk belajar di IKM telah tercapai. Belajar kursus Pertukangan Perabot ialah impian besarnya selama ini. Dia berjaya menyambung pelajarannya di IKM Sungai Petani. Ibunya menumpang gembira atas kejayaan anaknya itu. Zahar telah berkongsi kegembiraan tersebut bersama-sama dengan ibu serta rakan-rakannya Bakar dan Rahim. Dia teringat kembali zaman persekolahannya dahulu dan kejayaan Suhaili yang sedang menuntut pelajaran di ITM. Apabila memikirkan perkara tersebut, dia berasa rendah diri kerana hanya mampu belajar di IKM jika hendak dibandingkan dengan Suhaili.

Selepas pulang dari masjid menunaikan solat isyak, Zahar termenung bersendirian. Hatinya berkonflik sama ada untuk memberitahu Suhaili tentang tawaran yang baru diterimanya siang tadi atau tidak. Dia tidak tahu sebab hatinya berasa resah gelisah apabila teringat akan Suhaili bekas rakan sekolahnya dahulu. Dia masih teringat-ingat akan senyuman manis Suhaili yang berkulit putih kuning itu sewaktu terserempak dengannya dua minggu yang lalu. Namun, perkara yang lebih penting dalam fikirannya ketika itu adalah untuk mencapai cita-citanya yang masih tidak padam. Selepas termenung dan mengelamun hingga lewat malam, barulah Zahar dapat melelapkan matanya.

Bab 3: Cabaran

Zahar menghadapi konflik diri sama ada ingin memberitahu Suhaili atau tidak tentang tawaran menyambung pelajaran di IKM yang baru diterimanya. Dia ingin berkongsi kegembiraan tersebut bersama-sama dengan Suhaili. Oleh itu, Zahar mengambil keputusan untuk memberitahu perkara tersebut dengan menelefon Suhaili. Zahar berasa gembira kerana Suhaili sudi untuk bertemu dengannya di City Point, Alor Setar. Dia mengimbas kembali kenangan mereka sewaktu di sekolah. Dia sering berbincang dan berdebat dengan Suhaili di dalam bilik darjah.

Keintiman antara mereka berdua menyebabkan Bakar sering mengusiknya sama ada di sekolah atau di kampung. Suhaili seorang yang menarik, cantik, sedikit pendiam tetapi mudah mesra. Namun, sifat Suhaili yang mementingkan pelajaran merapatkan lagi perhubungan mereka. Suhaili telah mencabar Zahar untuk mendapatkan gred satu dalam peperiksaan SPM kelak. Mereka berjanji untuk masuk ke ITM bersama-sama. Namun, segala cita-citanya telah musnah kerana dia demam sewaktu peperiksaan SPM berlangsung. Zahar gagal untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam.

Bab 4: Pertemuan

Perasaan Zahar berdebar-debar dan sedikit gugup untuk bertemu dengan Suhaili. Zahar sengaja pergi awal ke Alor Setar kerana tidak mahu menaiki kenderaan yang sama dengan Suhaili. Dia bimbang jika orang kampung ternampak kelibatnya bersama-sama dengan Suhaili pasti hal itu akan menjatuhkan air mukanya. Akhirnya, saat yang dinanti-nantikan pun tiba. Zahar berasa sangat teruja untuk bertemu dengan Suhaili. Dalam pertemuan singkat

tersebut, Zahar bersusah payah memberitahu Suhaili tentang tawaran yang baru diterimanya. Suhaili kecewa kerana Zahar tidak meneruskan cita-citanya untuk ke ITM.

Zahar cuba mempertahankan dirinya dengan mengatakan bahawa masalah keluarga yang menghalangnya untuk menyambung pelajaran. Dia mengatakan bahawa urusan pendidikan adik-adiknya adalah di bawah tanggungjawabnya setelah ayahnya meninggal dunia. Namun, penjelasan Zahar tidak dapat diterima oleh Suhaili. Dia memandang rendah pada lepasan IKM berbanding dengan lepasan ITM. Zahar berasa kecewa kerana Suhaili seperti memperlekehkan dirinya untuk belajar di IKM dalam kursus Pertukangan Perabot.

Akhirnya, Suhaili meminta diri secara tergesa-gesa. Zahar yang dalam keadaan kecewa telah mengekori Suhaili dari belakang secara senyap-senyap. Tanpa disedari oleh Suhaili, Zahar menyaksikan orang yang dipujanya telah bertemu dengan seorang jejaka kacak yang memandu kereta Proton Saga merah. Hatinya hancur apabila menyaksikan peristiwa tersebut.

Bab 5: Dilema

Zahar berasa amat sedih. Dia teringat kembali kata-kata Suhaili tempoh hari. Kata-kata yang penuh dengan penghinaan dan sindiran. Namun, penghinaan tersebut tidak sedikit pun melemahkan semangatnya untuk mencapai cita-cita, malah semakin menguatkan semangatnya. Keadaannya yang muram telah disedari oleh Pak Yusuf. Zahar memberitahu bahawa tiada apa-apa yang berlaku pada dirinya walaupun dalam hatinya penuh dengan perasaan yang berkecamuk. Kata-kata yang keluar daripada mulut Suhaili kelmarin benar-benar menghiris tangkai hatinya.

Pak Yusuf yang sememangnya prihatin terhadap nasib anak saudaranya itu cuba memujuknya, malah telah berjanji untuk membantu persekolahan adik-adiknya sewaktu Zahar belajar di IKM. Zahar berasa amat terharu dengan niat ikhlas pak ciknya itu dan berjanji akan belajar bersungguh-sungguh hingga mencapai cita-citanya untuk menjadi tukang perabot yang terkenal suatu hari nanti. Perbualan mereka berdua terhenti apabila Mak Temah, isteri Pak Yusuf memberitahu bahawa hidangan telah siap untuk dimakan oleh mereka berdua.

Bab 6: Perjalanan

Awal-awal lagi Pak Yusuf, iaitu adik kepada emaknya telah sampai ke rumah. Pak Yusuf memberitahu bahawa dia telah menempah sebuah teksi untuk membawa Zahar ke IKM di Sungai Petani. Zahar berasa sedikit kurang senang kerana pak ciknya telah menyewa teksi Pak Usin, iaitu bapa saudara kepada Suhaili. Hatinya berasa jengkel kerana perasaannya terhadap Suhaili sudah tertutup rapat.

Pemergiannya ke IKM membuatkan hatinya berasa sedih kerana terpaksa meninggalkan ibunya untuk mengurus dua orang adiknya yang masih bersekolah. Bebanan ibunya semakin bertambah sewaktu ketiadaannya kerana tiada sesiapa yang akan membantu ibunya dari segi kewangan. Dia tidak boleh mengharapkan pertolongan daripada Pak Yusuf semata-mata kerana dua orang anak Pak Yusuf yang sedang belajar di universiti juga memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Tauke Lim turut menaiki teksi yang sama dengan Zahar dan Pak Yusuf. Cuma dia hanya menumpang teksi tersebut hingga ke Pekan Lama. Sepanjang perjalanan, Tauke Lim memuji Zahar kerana mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang pengusaha perabot. Dia turut juga memuji Pak Yusuf kerana mempunyai pandangan yang jauh dalam perniagaan perabot. Dengan

menghantar Zahar mempelajari kursus Pertukangan Perabot, maka suatu hari nanti perniagaan perabot kepunyaan Pak Yusuf juga akan maju dan berkembang.

Perjalanan mereka akhirnya tiba di destinasi. Pak Yusuf turut membantu Zahar menyelesaikan pengurusan penginapan di asrama. Dalam kesibukan pendaftaran pelatih baharu, Zahar telah berkenalan dengan Pak Kamil yang turut menghantar anak gadisnya ke IKM. Hati Zahar berdegup kencang apabila melihat anak gadis Pak Kamil yang bernama Norimi. Begitu juga dengan Norimi apabila berasa sesuatu yang berbeza sewaktu melihat Zahar. Mereka tidak mengambil kursus yang sama. Norimi mengambil kursus Lukisan Seni Bina.

Setelah selesai mendaftar dan mendapatkan kunci bilik asrama masing-masing maka bermulalah kehidupan Zahar di IKM. Tempat yang akan merealisasikan impiannya untuk menjadi seorang pengusaha perabot yang berjaya suatu hari nanti.

Bab 7: Suai Kenal

Minggu suai kenal pun bermula. Zahar dan rakan baharunya Ramli bersama-sama terlibat dalam minggu orientasi pelatih-pelatih baharu yang dikendalikan oleh pelatih senior. Para pelatih baharu telah diingatkan tentang masa hadapan mereka sebagai pekerja kolar biru yang akan bekerja di bengkel, di tapak binaan, atau di tengah terik matahari. Pelatih senior mengingatkan mereka agar semua pelatih baharu di IKM memiliki semangat, cita-cita yang tinggi dan keyakinan yang kental untuk mengejar cita-cita. Selesai sesi memberikan kata-kata perangsang kepada pelatih baharu, mereka diarahkan pula untuk sesi bergotong-royong di tempat-tempat yang telah ditetapkan.

Pada sesi gotong-royong tersebut, Zahar sempat untuk berbual mesra dengan Norimi gadis dari Johor yang telah berjaya mencuri hatinya. Para pelatih baharu sekali lagi diingatkan agar sentiasa beramah mesra dengan pelatih-pelatih yang lain terutama pelatih senior. Selepas sesi gotong-royong, mereka kemudian telah dibenarkan untuk minum petang, seterusnya bersiap-siap untuk solat dan menghadiri program pada waktu malam.

Bab 8: Kemahiran

Minggu suai kenal sudah berakhir. Semua pelatih telah ditempatkan di kelas mengikut kursus masing-masing. Zahar yang mengikuti kursus Pertukangan Perabot mendapat Cikgu Baharum sebagai guru kelasnya. Sewaktu sesi suai kenal di dalam kelas, Zahar telah menceritakan pengalamannya terbabit dalam kerja-kerja pembinaan perabot bersama-sama dengan bapa saudaranya. Cikgu Baharum berasa gembira apabila Zahar memberitahu kelas bahawa dia berazam untuk memiliki bengkel sendiri dan menghasilkan perabot yang canggih suatu hari nanti.

Cikgu Baharum memulakan kelasnya dengan memberikan penerangan lengkap tentang latihan pertukangan perabot. Zahar berasa terpegun apabila melihat peralatan yang ada dari sekecil-kecilnya hinggalah sebesar-besar mesin. Cikgu Baharum memberikan pesanan kepada para pelatihnya agar tidak menggunakan mesin besar tersebut melainkan mereka telah mahir menggunakan alat-alat pertukangan biasa. Cikgu Baharum juga memberitahu bahawa pelajaran teori hanyalah sebahagian kecil perkara yang akan dipelajari selebihnya ialah latihan amali.

Di kampus, Zahar telah memulakan persahabatan dengan rakan-rakan baharunya, namun antara semua kenalan baharunya, Norimilah yang paling dekat dengan hatinya. Zahar, Ramli, Norimi, dan Habsah kini telah menjadi

sahabat yang akrab. Mereka berempat telah bersetuju untuk keluar ke bandar untuk membeli peralatan bagi tujuan kursus yang bakal dijalani oleh mereka nanti.

Bab 9: Kepulangan

Kepulangan Zahar ke kampung pada hujung minggu itu sedikit terganggu apabila melihat ramai orang berkumpul di rumah Pak Karim. Kelihatan beberapa orang kampung sedang sibuk menumis gulai. Hati kecilnya tertanya-tanya tentang majlis yang sedang berlangsung di rumah ketua kampung tersebut. Setibanya di rumah, Zakri, adiknya yang bongsu memberitahu bahawa emak dan abang Halim telah ke rumah Pak Karim. Zakri memberitahu Zahar bahawa kenduri tersebut adalah untuk meraikan Suhaili yang berjaya mendapat kerja di Petaling Jaya.

Zahar mengambil keputusan untuk pergi ke rumah Pak Yusuf tetapi setibanya di sana, rumah Pak Yusuf kelihatan lengang. Dia tertarik melihat sebuah rangka almari pakaian yang sudah berdiri tegak hasil kerja Pak Yusuf. Walaupun tidak menggunakan peralatan yang moden tetapi hasil kerja yang dilakukan oleh Pak Yusuf sangat bermutu. Tidak lama kemudian, Pak Yusuf pulang dan memberitahu bahawa Tauke Lim telah menempah sebuah almari dan barangkali itulah tempahan pertama oleh orang Cina di bengkel Pak Yusuf.

Hati Zahar sedikit terganggu apabila Mak Temah pulang dari rumah Pak Karim. Mak Temah menasihati Zahar supaya tidak merajuk dengan Suhaili. Zahar cuba menafikan hal itu tetapi Mak Temah memberitahu bahawa orang-orang kampung telah melihat dia dan Suhaili berjumpa di Alor Setar dahulu. Mak Temah cuba mencungkil hubungan antara Zahar dengan Suhaili. Pak Yusuf menyokong kata-kata Zahar bahawa dia dan Suhaili hanya kawan biasa. Pak Yusuf juga ada menyatakan bahawa seorang lelaki tampan merupakan

kawan Suhaili turut datang ke majlis kesyukuran tersebut. Kenyataan Pak Yusuf itu telah membuatkan hati Zahar berdetak secara tiba-tiba. Akhirnya, Zahar terpaksa akur dengan pelawaan Mak Temah untuk makan walaupun tangannya terasa berat untuk menyuap nasi kenduri Pak Karim itu.

Bab 10: Nota

Zahar dan rakan-rakannya berasa amat gembira setiap kali hujung bulan kerana mereka mendapat elaun pelatih sebanyak RM200. Hal ini bermakna dia tidak perlu menyusahkan ibunya di kampung. Dengan wang sebanyak itulah dia berjimat cermat sehingga hujung bulan. Pendapatan ibunya sebagai penoreh getah dan menganyam tikar cukuplah untuk menampung perbelanjaan adik-adiknya, Halim dan Zakri. Hatinya berasa sedikit lapang apabila memikirkan kesihatan ibunya beransur baik selepas tiga bulan sakit.

Apabila tidak bersekolah, adik-adiknya akan membantu emaknya memesin getah atau menetak pokok mengkuang. Dia sentiasa mengingatkan adik-adiknya agar ringan tulang dan sentiasa belajar bersungguh-sungguh.

Ingatannya di kampung terganggu apabila Habsah memberitahunya bahawa terdapat sepucuk surat untuknya. Norimi yang juga berada di situ seolah-olah berasa cemburu kerana menyangka surat tersebut datang daripada teman wanita Zahar. Walaupun Zahar menafikannya, namun Norimi tetap tidak percaya. Zahar membaca surat yang dihantar oleh Suhaili sebelum kelas Cikgu Baharum bermula. Dalam surat tersebut Suhaili telah meminta maaf kerana telah mengeluarkan kata-kata yang kurang menyenangkan Zahar tempoh hari. Namun, Zahar seperti tidak berminat untuk meneruskan pembacaannya. Zahar berjanji kepada dirinya sendiri bahawa surat yang baru diterimanya daripada Suhaili itu tidak akan mematahkan semangatnya.

Bab 11: Parut Luka

Zahar memberikan keizinan kepada Norimi untuk membaca surat yang telah dihantar oleh Suhaili untuk meleraikan perasaan cemburunya. Norimi meminta maaf kerana telah membaca surat yang terlalu peribadi walaupun dengan keizinan daripada tuannya. Melalui surat tersebut barulah Norimi memahami bahawa kedatangan Zahar ke IKM adalah disebabkan perasaannya yang amat terluka. Dalam diam, dia menghulurkan rasa simpati terhadap nasib yang telah menimpa Zahar.

Perbualan mereka berdua telah terganggu seketika apabila Maarof, ketua pasukan bola sepak mengajak Zahar berlatih sekali di padang. Ramli yang turut berada di situ telah memperlinya hingga menyebabkan Zahar rasa tercabar. Zahar telah menunjukkan kehebatannya sebagai pemain bola sepak dan Norimi yang berada di tepi padang telah memberikan sokongan moral kepadanya. Dalam hati, Norimi berdoa agar Zahar akan turut terpilih mewakili kolej untuk perlawanan di Alor Setar nanti.

Bab 12: Kejohanan

Bas yang membawa pemain dan penyokong IKM Sungai Petani bergerak pulang selepas perlawanan di Alor Setar. Maarof sebagai ketua pasukan telah meminta rakan-rakan yang lain memberikan tepukan yang hangat kepada Zahar kerana telah membantu IKM Sungai Petani mengalahkan IKM Alor Setar. Norimi yang duduk di sebelah Zahar turut serta memberikan penghargaan kepada pemuda yang telah mula bertakhta di hatinya itu.

Zahar teringat akan Hanafi, Redzuan, dan Maarof yang telah mengendalikan sesi minggu suai kenal semasa dia mula mendaftar dahulu. Zahar dapat merasakan sifat kepemimpinan yang terdapat dalam diri Maarof apatah lagi jawatannya sebagai Yang Dipertua Persatuan Pelatih IKM. Begitu juga dengan Hanafi dan Redzuan walaupun tegas dan penuh disiplin tetapi mereka berjaya membina hubungan yang baik antara pelatih junior dengan

pelatih senior selepas berakhirnya minggu orientasi. Sifat kematangan mereka terserlah apabila mereka memohon maaf daripada pelatih junior selepas minggu orientasi selesai.

Maarof sekali lagi memberikan perangsang dan ingatan kepada rakan-rakan sepasukannya agar turun berlatih untuk menghadapi perlawanan dengan IKM Alor Setar di padang mereka nanti. Redzuan, Safuan, dan Yusuf Senot memberikan perangsang supaya pasukan mereka akan menang untuk perlawanan yang seterusnya nanti.

Bab 13: Kemenangan

Ketibaan pasukan IKM Alor Setar telah disambut dengan meriahnya. Pelatih perempuan yang diketuai oleh Norimi telah berjaya mengatur jamuan ringan. Zahar yang bijak mengambil peluang telah berjaya menghantar bola kepada Ramli hingga Ramli berjaya membuat jaringan. Redzuan sebagai penjaga gol telah bertindak cemerlang untuk menyelamatkan beberapa percubaan berbahaya pasukan lawan. Berkat kesungguhan dan juga sokongan daripada guru dan juga penyokong, pasukan bola sepak IKM Sungai Petani berjaya mengalahkan pasukan bola sepak IKM Alor Setar dengan keputusan 1-0.

Walaupun kalah, demi semangat kesukanan yang tinggi, pasukan IKM Alor Setar tetap mempamerkan sifat mesra terhadap pasukan IKM Sungai Petani. Yusuf Senot yang terlalu ghairah dengan kemenangan sebentar tadi telah bertanya soalan kepada Maarof tentang pasukan yang akan dihadapi oleh mereka pada masa akan datang. Norimi, Mardiah, Saleha, dan lain-lain memerhatikan pasukan bola sepak menuju ke asrama masing-masing pada petang itu.

Bab 14: Ujian

Sebulan sebelum peperiksaan, semua pelatih bertungkus lumus untuk membuat persediaan. Sijil yang dikeluarkan oleh Majlis Latihan Vokasional (MLVK) menjadi idaman semua pelatih. Zahar yang awal-awal lagi mahu mencapai kejayaan yang cemerlang telah belajar bersungguh-sungguh. Segala nasihat daripada Cikgu Baharum diingati dan diamalkannya satu persatu. Pengalaman Cikgu Baharum selama lima belas tahun telah dicurahkan sepenuhnya kepada para pelajarnya tanpa rasa jemu.

Cikgu Baharum berpesan kepada para pelajarnya agar tidak mudah panik serta tekun sewaktu melaksanakan projek yang dihasilkan. Sewaktu peperiksaan, Zahar memulakan projeknya dengan tenang. Rak buku yang diciptanya dibuat dengan halus dan teliti hingga mendapat perhatian pengawas peperiksaan.

Selepas peperiksaan selama dua minggu, para pelatih telah dibenarkan pulang. Zahar berjanji untuk mempraktikkan segala ilmunya di bengkel Pak Yusuf yang sudah lama tidak dikunjunginya. Sewaktu menuju ke stesen bas, Zahar telah membantu Norimi dengan membawa beg besarnya, sementara Ramli pula membantu Habsah dengan membawa beg kepunyaannya. Tidak lama kemudian, mereka pun berpisah setelah bas yang dinanti oleh mereka sampai untuk membawa mereka ke destinasi masing-masing.

Bab 15: Semangat

Bercuti di kampung amat mengembirakan Zahar, cuma hatinya tidak berasa begitu seronok apabila melintasi rumah Pak Karim yang tersergam dan bercat biru muda. Dia tidak suka akan kenangan lama yang pahit menghambat hidupnya kerana perkara yang lebih penting ialah cita-cita yang dikejanya akan tercapai.

Pak Yusuf berasa sangat gembira apabila melihat kepulangan Zahar. Zahar begitu bersemangat untuk menceritakan kepada bapa saudaranya tentang peperiksaan yang dihadapinya tempoh hari di IKM. Mak Temah yang tiba dengan seteko kopi panas berasa amat gembira kerana kepulangan Zahar dapat membantu suaminya menyiapkan tempahan perabot yang semakin meningkat. Zahar berasa terkejut kerana Taukeh Lim telah menempah meja kayu yang agak banyak untuk kedai kopi yang bakal dibukanya.

Zahar teringat akan kisah novel yang dikarang oleh Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad yang berlatarkan Kampung Banggul Derdap, Kisah Lahuma, Jeha, dan anak-anaknya bertarung hidup di sawah. Kini, Taukeh Lim pula yang akan membuka kedai kopi di kampung tersebut. Namun, Kampung Banggul Derdap bukan seperti kisah di dalam novel itu lagi kerana kampung tersebut sudah semakin maju dengan deretan kedai. Malah, Zahar sendiri mempunyai cita-cita untuk membuka kedai bengkel perabotnya di situ.

Bab 16: Perjuangan

Zahar telah lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan yang lalu. Cikgu Baharum seperti selalu sentiasa berpesan kepada pelatihnya supaya terus gigih berusaha hingga berjaya. Para pelatih diingatkan supaya bersedia dengan lebih intensif kerana selepas peperiksaan mereka akan dihantar ke bengkel atau kilang yang terpilih untuk menjalani latihan sambil bekerja. Cikgu Baharum menyatakan bahawa kebolehan mereka boleh diukur mengikut kehendak bengkel atau kilang.

Suasana gembira turut dirasai oleh pelatih-pelatih yang mengambil kursus lain. Zahar melihat wajah Norimi berseri-seri sewaktu berada di dewan makan. Habsah memberitahu Zahar bahawa Norimi juga telah mendapat keputusan

yang cemerlang dalam peperiksaan. Zahar sangat gembira kerana kejayaan yang dicapainya turut diperoleh Norimi yang telah mula dekat dengan hatinya.

Bab 17: Harapan

Zahar merasakan tempoh enam bulan terlalu singkat. Para pelatih perlu bersedia dengan lebih intensif untuk menghadapi dua lagi peperiksaan Peringkat Pertengahan Sijil MLVK dan kemudian peperiksaan akhir IKM untuk menentukan sama ada pelatih layak atau tidak untuk mendapatkan sijil IKM. Doa restu daripada emak, adik-adik, dan Pak Yusuf di kampung sentiasa memberikan dorongan dan semangat kepada Zahar untuk berjaya. Namun, kadang-kadang dia tidak dapat melupakan kata-kata Suhaili yang pernah menghiris tangkai hatinya itu. Pada peringkat pertengahan pengajian, para pelatih dikehendaki menyiapkan perabot yang lebih besar dan rumit. Setelah bertungkus lumus selama lima belas jam, akhirnya Zahar berjaya menyiapkan sebuah almari pakaian yang kemas dan bermutu tinggi.

Selesai peringkat pertengahan untuk sijil MLVK, para pelatih harus bersedia untuk peperiksaan akhir sijil IKM pula. Zahar dan rakan-rakannya menduduki peperiksaan tersebut dengan lebih yakin. Seminggu sebelum cuti semester, para pelatih diberitahu tentang latihan dalam loji yang diwajibkan kepada mereka. Dua orang Site Technical Officer dari ibu pejabat MARA negeri telah memberikan penerangan kepada para pelatih tentang latihan dalam loji tersebut.

Zahar telah ditawarkan kursus latihan di sebuah kilang perabot di Kamunting, Perak. Ramli pula ditempatkan di kilang perabot di Bayan Lepas. Habsah mendapat peluang menjalani kursus latihan di Terengganu sementara

Norimi mendapat tawaran kursus latihan di sebuah firma arkitek di Johor Bahru. Sebelum para pelatih pergi berkursus, satu majlis perpisahan telah diadakan dan pengetua sendiri menyampaikan ucapan berupa nasihat dan dorongan kepada para pelatihnya.

Zahar dan Norimi mengimbas kembali saat-saat sewaktu mereka mula-mula mendaftar dahulu. Malam semakin larut, kedua-dua sahabat baik itu meluahkan perasaan masing-masing sepanjang mereka berada di IKM itu sebelum berpisah untuk jangka waktu yang panjang.

Bab 18: Matlamat

Selama tiga minggu bercuti di kampung, Zahar telah membantu emaknya menetak mengkuang, kemudian dilayur di atas api. Selepas seminggu membantu emaknya barulah Zahar membantu Pak Yusuf di bengkel. Zahar memberitahu bapa saudaranya itu bahawa dia telah ditawarkan latihan praktikal di Kilang Perabot Usaha Bersatu di Kawasan Perindustrian Kamunting, Taiping.

Dari Stesen Bas Taiping, Zahar menaiki teksi ke kilang perabot tersebut yang terletak di Lot 313, Jalan Kencana Sari, Kawasan Perindustrian Kamunting. Zahar telah melaporkan diri kepada Miss Ooi, Ketua Unit Personel. Dia kemudian telah diperkenalkan kepada Encik Manaf, Penyelia Unit Pengeluaran. Zahar diberitahu bahawa terdapat kira-kira 150 orang pekerja yang kesemuanya lelaki.

Zahar kemudiannya telah berkenalan dengan Razali dan dia telah mempelawa Zahar untuk tinggal bersama-sama dengannya di rumah sewa. Pelawaan Razali telah disambut Zahar dengan rasa syukur dan terima kasih kerana dia sememangnya tidak mempunyai tempat tinggal di situ.

Bab 19: Kekesalan

Kedatangan Zahar untuk menjalani latihan praktikal di kilang tersebut telah menyebabkan Suhaili berasa tidak selesa. Segala-galanya berlaku secara kebetulan tanpa dirancang. Selepas berhenti kerja di Petaling Jaya, Suhaili telah bekerja di kilang perabot tersebut. Kehadiran Zahar untuk kursus praktikal di situ menyebabkan dirinya berasa benar-benar resah. Semangatnya untuk bekerja semakin hilang. Suhaili berperang dengan dirinya sendiri. Semuanya adalah disebabkan egonya selama ini. Dia tidak tahu cara yang sepatutnya untuk berhadapan dengan Zahar nanti.

Miss Ooi menyedari perasaan gelisah yang dipamerkan oleh Suhaili. Suhaili bertanyakan prestasi Zahar sejak melakukan kursus praktikal di kilang tersebut. Miss Ooi memberitahunya bahawa Zahar merupakan seorang pekerja yang rajin dan mempunyai potensi untuk maju. Akhirnya, Suhaili menerangkan kepada Miss Ooi bahawa Zahar ialah rakan sekampungnya.

Bab 20: Tiada Kemesraan

Setelah dua minggu, barulah Zahar dapat menyesuaikan diri. Sikapnya yang suka merendah diri, senang didekati dan mudah mesra menyebabkan dirinya mudah diterima. Berbeza pula dengan rakan serumahnya, iaitu Razali yang lebih bersikap pendiam, masih solo, rajin, dan tidak banyak kerenah. Disebabkan tempat kerjanya jauh, Zahar telah mengeluarkan duit simpanannya untuk membeli sebuah basikal.

Manaf memberitahu Zahar bahawa Penolong Ketua Unit Pemasaran ingin berjumpa dengannya. Zahar berasa sungguh terkejut kerana orang yang hendak berjumpa dengannya ialah Suhaili, iaitu orang yang pernah melukai hatinya dahulu. Suhaili memberitahu Zahar bahawa dia boleh membantu Zahar untuk

bekerja tetap di kilang tersebut. Pertolongan Suhaili itu ditolak mentah-mentah oleh Zahar kerana Zahar berpegang pada prinsip dirinya bahawa dia tidak akan sesekali mengemis bantuan daripada sesiapa.

Zahar beranggapan bahawa tidak guna bergaji lumayan dan berjawatan tinggi tetapi hati terkongkong. Baginya sikap tidak setia kepada sesuatu pekerjaan, tidak akan membawa ke mana-mana, malah menjadikan seorang itu tidak ada prinsip dan harga diri. Kata-kata daripada Zahar menyebabkan Suhaili kehilangan idea untuk berkata-kata, Zahar kemudian meninggalkannya dalam keadaan termangu-mangu.

Bab 21: Tentang Dia

Pada petang itu, Zahar dan Razali bersembang-sernang selepas pulang daripada kerja. Razali bertanyakan pertemuannya dengan Penolong Ketua Unit Pemasaran siang tadi. Zahar memberitahu Razali bahawa Suhaili ialah rakan sekampung dan rakan sekelasnya dahulu. Zahar memberitahu bahawa dia tidak gembira bertemu dengan Suhaili kerana Suhaili pernah menghinaanya dahulu ketika dia ingin menyambung pelajarannya di IKM. Penghinaan tersebut telah mendorong dirinya berusaha lebih bersungguh-sungguh untuk berjaya. Zahar bercita-cita untuk membuka bengkel perabot sendiri. Razali percaya suatu masa nanti, Zahar akan berjaya membuka bengkel perabot sendiri.

Razali membuka cerita bahawa Suhaili sebenarnya pernah bekerja di sebuah kilang elektronik di Petaling Jaya tetapi prestasi kerjanya merosot apabila dia putus cinta. Kisah tersebut diketahuinya daripada seorang rakannya yang pernah bekerja di kilang yang sama dengan Suhaili. Zahar meminta Razali menghentikan perbualan tentang Suhaili kerana tidak mahu mendapat dosa mengumpat.

Bab 22: Cinta dan Cita-cita

Zahar berasa amat gembira sewaktu mendapat berita tentang keputusan peperiksaan peringkat pertengahan dengan mendapat pangkat satu. Suhaili cuba berbaik-baik semula dengannya tetapi dia berjaya mengelakkan diri. Bagi Zahar, tiada gunanya bertemu dengan Suhaili kerana tindakan itu hanya akan membuatkan hatinya kembali sakit apabila teringat akan kenangan lama. Dia lebih senang berehat di rumah selepas waktu kerja atau pergi berjoging. Pada petang itu, Zahar membaca surat daripada Norimi yang penuh dengan tanda tanya. Namun, pengalaman telah mengajarnya supaya tidak terlalu beremosi. Dia tidak mahu terperangkap dalam emosi yang boleh menggugat cita-citanya.

Tempoh enam bulan akhirnya tiba juga. Dalam satu jamuan ringkas yang dibuat untuknya, Miss Ooi yang mewakili pihak pengurusan telah memujinya sebagai pekerja yang rajin dan cemerlang. Dalam majlis tersebut, Zahar melihat Suhaili memerhatikannya dengan pandangan mata yang menusuk kalbu. Selepas majlis perpisahan selesai, Suhaili telah meminta maaf atas segala kesilapannya dan Zahar telah memaafkannya. Zahar memberitahu Suhaili bahawa perkara yang terbaik ialah mereka melupakan segala kenangan lama antara mereka dahulu. Ingatan Suhaili kembali berputar pada teman lelakinya Razman, anak seorang Yang Berhormat. Teman lelakinya itu telah meninggalkannya kerana telah mendapat teman yang baharu. Air matanya deras mengalir apabila mengenangkan hal tersebut dan Zahar pula seperti dingin kepadanya.

Petang itu, Razali telah menghantar Zahar ke stesen teksi. Selepas bersalaman, teksi yang membawa Zahar meninggalkan bandar Taiping perlahan-lahan dalam rintik hujan yang meresahkan.

Bab 23: Terbinanya Impian

Zahar membuat keputusan untuk membina bengkel perabot di atas tanah milik ibunya sendiri. Ibunya dan Pak Yusuf berasa gembira apabila Zahar membuat keputusan untuk membuka bengkel sendiri. Malah, Pak Yusuf bersedia untuk memindahkan barang-barang daripada bengkel lamanya ke bengkel yang akan didirikan oleh Zahar nanti.

Dua orang pegawai kemajuan dari Bahagian Pinjaman MARA datang untuk membuat tinjauan terhadap projek yang diusahakan oleh Zahar. Pegawai MARA berasa gembira apabila diberitahu bahawa Zahar sebelum memasuki IKM telah pun menunjukkan minat dan bakatnya di bengkel perabot.

Tidak sampai sebulan, pinjaman sebanyak RM10 000 telah diluluskan. Pak Yusuf sendiri telah menghulur sumbangan sebanyak RM5000. Rakan-rakan Zahar seperti Bakar, Rahim, Isa, Samad dan lain-lain telah membantu Zahar mendirikan bengkel perabotnya. Bakar memberitahu Zahar bahawa Saleh anak Pak Ramli Wanok sudah menjadi wartawan Harian Kebangsaan. Bakar telah memberikan cadangan agar Saleh menulis sebuah rencana mengenai bengkel tersebut sebagai publisiti. Zahar telah bersetuju dengan idea tersebut.

Bab 24: Impian Terlaksana

Bengkel Perabot Meniti Impian semakin dikenali ramai selepas rencana "Kejar Kejayaan Lepas Dihina Kekasih". Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat, Zahar telah menawarkan tiga tempat di bengkelnya kepada pelatih Pertukangan Perabot dan dia sanggup membayar imbuhan seperti yang diterimanya sewaktu melakukan praktikal di Kamunting dahulu.


Pak Yusuf juga telah memainkan peranan yang cukup penting untuk menaikkan nama syarikat perabot Zahar. Selain jiran sekampung, peniaga dari pekan Sik, Jeniang, Gurun, dan Baling turut memberikan sambutan yang menggalakkan. Zahar berpendapat bahawa dia tidak boleh bergantung harap

pada nama Pak Yusuf sahaja. Dia telah mengatur rundingan dengan peniaga perabot di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, dan Kota Bahru. Pegawai MARA yang membuat tinjauan susulan turut berasa gembira dengan perkembangan bengkel perabot Zahar yang sangat memuaskan.

Pada petang itu, sewaktu minum kopi bersama-sama dengan Pak Yusuf, Zahar telah menerima sepucuk surat daripada Norimi. Pak Yusuf teringat akan perkenalannya dahulu dengan bapa Norimi sewaktu mendaftar Zahar di IKM dahulu. Pak Yusuf memuji Norimi di hadapan Mak Kiah dengan mengatakan bahawa Norimi cantik, lemah lembut, dan berbudi bahasa. Bapa Norimi juga seorang yang baik dan merendah diri walaupun seorang pegawai tinggi kerajaan. Zahar tidak berkata apa-apa kerana pada saat-saat begitu perkara yang terbaik dilakukannya adalah berdiam sahaja. Zahar dan Pak Yusuf turun semula ke bengkel selepas selesai minum kopi.

Program Bahasa Melayu Edubest

Pelan Lokasi



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

No.2-1, Jalan 4/109E, Desa Business Centre, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7983 7650

<http://www.edubest.com.my>